



MENYINGKAP PERJALANAN KEILMUAN *Dr. Ruslaina Yusoff* SEBUAH DEDIKASI TANPA NOKTAH

SITI DALINA TUMIRAN @ KAMAL NASSER
sitidalina@uitm.edu.my

Seorang insan yang telah mencurahkan ilmu dan dedikasi selama lebih daripada dua dekad di UiTM, seorang pendidik yang penuh keikhlasan dan kesabaran. Itulah gambaran ringkas tentang Dr. Ruslaina Hj Yusoff.

Lahir sebagai anak kelima daripada enam beradik dan kini merupakan ibu kepada dua cahaya mata, beliau bukan sekadar seorang pensyarah, tetapi juga dianggap sebagai mentor, dan idola kepada ramai pelajar serta rakan sejawat. Dengan pengalaman 27 tahun berkhidmat di UiTM, beliau telah menjadi sebahagian daripada perjalanan institusi ini. Pengalaman menyaksikan pelbagai perubahan dalam dunia akademik membolehkan beliau membimbing generasi pelapis dalam variasi bidang perakaunan terutama bidang *Financial Accounting, Reporting, dan Corporate Governance*.

Pendidikan adalah pintu yang membuka peluang, dan Dr. Ruslaina telah menempuh perjalanan intelektual yang membanggakan. Beliau melengkapkan Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, dan akhirnya Ijazah Kedoktoran di dalam bidang perakaunan. Itulah bukti kegigihan serta semangatnya untuk terus menimba ilmu dan memberi manfaat kepada orang lain.

Meskipun tidak gemar menonjolkan pencapaian, namun sumbangan beliau dalam membentuk mahasiswa berilmu dan beretika adalah satu pencapaian yang tidak terukur nilainya. Buat rakan-rakan fakulti, beliau menitipkan pesanan yang cukup bermakna:

"Mohon maaf di atas semua kekhilafan selama mengenali anda semua."

Kepada para pelajar pula, nasihat beliau ringkas tetapi mendalam:

"Never give up."

Dan apabila ditanya tentang impian terbesar dalam hidupnya, beliau menjawab dengan penuh ketulusan:

"Pencen dalam keadaan sihat walafiat untuk melaksanakan apa yang tertinggal sebelum dipanggil Pencipta."

Sebuah jawapan yang cukup menyentuh hati, menggambarkan jiwa seorang pendidik yang hanya ingin menyempurnakan amanahnya sebelum kembali kepada Sang Pencipta.

Dr. Ruslaina Hj Yusoff, jasa dan bakti yang dicurahkan sepanjang 27 tahun ini bukan sekadar angka, tetapi sebuah legasi yang akan terus diingati dalam dunia akademik dan dalam hati setiap insan yang pernah mendapat manfaat daripada ilmu serta bimbingannya. Semoga segala usaha dan kebaikan yang dicurahkan diberikan keberkatan di dunia dan akhirat.

